



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HRIAN			
TARIKH	:	28.10.22	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	PERHILITAN			

34 www.hmetro.com.my [@hmetro](https://twitter.com/hmetro) [HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetro](https://instagram.com/hmetro)

Jumaat 28.10.2022 | **Harian Metro**

lokal

Oleh Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my

CEMAS HILANG DALAM HUTAN

Jitra

"Sepanjang berada di atas Bukit Wang Perah, kami didatangi sepasang beruang hitam yang berlegar-legar di kawasan kami berlindung, tetapi ia tidak mengganggu kami," kata Badrul Hisham Badri, 50.

Badrul Hisham adalah seorang daripada dua lelaki yang ditemukan selamat selepas dilaporkan hilang ketika menjala ikan di kawasan sungai Bukit Wang Perah, kelmarin.

Lelaki itu dan rakannya, Abdul Halim Ibrahim, 35, ditemui oleh pasukan bomba di seberang sungai berhampiran Bukit Wang Perah pada jam 8.20 pagi, semalam.

Menurutnya, pasangan beruang itu berada di kawasan itu antara jam 9 malam hingga 1 pagi dan berkemungkinan mencari makanan.

Badrul Hisham berkata, sepanjang malam mereka tidak dapat melepaskan mata dan menunggu sehingga jam 6 pagi sebelum beredar dari kawasan itu.

2 beruang hitam bertandang



ABDUL Halim (dua dari kiri) dan Badrul Hisham (dua dari kanan) yang ditemui selepas hilang di atas Bukit Wang Perah. Jitra. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

"Ketika itu kami nampak banyak kesan tapak kaki beruang yang menuju ke sungai mungkin untuk mencari ikan mati sebagai sumber makanan.

"Walaupun pernah masuk kawasan hutan sebelum ini, inilah pengalaman mencabar bagi saya ketika berdepan cabaran kepala air, beruang serta sementara men-

unggu bantuan. "Malah, ada penduduk memberitahu kawasan kami berlindung banyak binatang buas termasuk harimau," katanya ketika ditemui di sini.



Ketika itu juga saya terdengar deruan air yang deras selain bongkah batu yang bergolek"

Badrul Hisham

semalam.

Katanya, kejadian kepala air yang berlaku terlalu cepat malah bentuk muka bumi turut berubah, dari segi struktur batu, pembentukan air sungai baru dan banyak tanah runtuh di atas bukit.

Sementara itu, rakannya, Abdul Halim Ibrahim, 35, berkata, mereka berdua ke Sungai Wang Perah itu untuk menjala ikan dengan menunggang motosikal pada jam 3 petang kelmarin.

Katanya, ketika itu cuaca cerah, tetapi pada jam 5 pe-

tang tiba-tiba hujan lebat menyebabkan berlakunya kepala air.

"Masa itu kami nak menyeberangi sungai, tetapi tidak sempat menyebabkan kami mengambil keputusan memanjat Bukit Wang Perah untuk mencari liputan telekomunikasi dan menghantar WhatsApp kepada ahli keluarga.

"Ketika itu, waktu sudah 7 petang, keadaan sudah gelap dan kami buat keputusan untuk bermalam di situ kerana tak boleh turun.

"Ketika itu juga saya terdengar deruan air yang deras selain bongkah batu yang bergolek," katanya.

Abdul Halim berkata, mereka bersyukur kerana pasukan bomba menemui mereka tidak jauh dari tempat mereka berlindung dan membawa keluar dari situ.

Mereka yang agak keletihan kemudian diberi makan dan minum sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia